



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Negeri Sembilan

ACADEMY OF LANGUAGE STUDIES

Edition: 16/2025

APB REMBAU E-BULLETIN



EDITORIAL BOARD

PATRON

Prof. Dr. Yamin Yasin

COORDINATOR

**Prof. Madya Dr Norwati Hj
Roslim**

CHIEF EDITOR

**Assoc. Prof. Dr. Soo Kum
Yoke, Carolyn**

EDITORIAL COMMITTEE

**Khairon Nisa Shafeei
Shahrul Muhazad Shahrudin
Nadiah Yahyauddin**

KAD KREDIT: JADIKAN IA SEBAGAI KEMUDAHAN, BUKAN BEBAN

Ditulis oleh: Azila Sahrim, Dr. Ahmad Farouk Zulkifli, Dr. Asiah Ali, Dr. Asma' Rashidah Idris, Masrul Hayati Kamarulzaman, Nurain Farahana Zainal Abidin dan Zuliana Zoolkefli



Apakah yang dimaksudkan dengan kad kredit? Menurut definisi dari Agensi Kaunseling & Pengurusan Kredit (AKPK), kad kredit ialah alat pembayaran secara elektronik yang membolehkan pemiliknya membeli barangan atau mendapatkan perkhidmatan tanpa menggunakan wang tunai. Kad kredit merupakan salah satu peralatan kewangan moden yang semakin popular dalam kalangan masyarakat pada masa kini, khususnya golongan belia. Tidak dapat disangkal penggunaan kad kredit memudahkan urusan pembelian, terutama ketika dalam situasi yang mendesak. Namun begitu, penggunaan kad kredit secara tidak berhemah mampu menjebak pengguna ke lubuk hutang yang tidak berkesudahan.

Kad kredit mempunyai pelbagai kebaikan. Antaranya penggunaan kad kredit sangat

mudah dan praktikal. Pemilik kad tidak perlu membawa wang tunai dalam jumlah yang besar, sekali gus mengurangkan risiko kehilangan atau kecurian. Kad kredit juga sesuai digunakan dalam keadaan kecemasan seperti kerosakan kenderaan atau masalah kesihatan, selain menjadi medium utama untuk pembelian dalam talian yang kini semakin menjadi pilihan pengguna.

Selain daripada itu, kad kredit berperanan penting dalam membina rekod kredit seseorang. Rekod kredit yang baik akan memudahkan individu membuat permohonan pinjaman pada masa hadapan, sama ada untuk pembelian rumah, kereta, atau memulakan perniagaan. Dengan pengurusan yang bijak dan berhemah, kad kredit sebenarnya mampu menjadi aset dalam merancang masa depan kewangan.

Kad kredit juga menawarkan pelbagai ganjaran dan faedah menarik seperti pulangan tunai, diskaun pembelian, mata ganjaran yang boleh ditebus, serta insurans perjalanan percuma. Ganjaran ini bukan sahaja memberi nilai tambah, malah dapat menjimatkan kos harian pengguna jika digunakan dengan strategi yang betul.

Tambahan lagi, kad kredit memberikan akses segera kepada dana. Seseorang tidak perlu melalui proses rumit seperti permohonan pinjaman bank apabila memerlukan wang diwaktu kecemasan

atau darurat. Kemudahan ini sangat membantu dalam keadaan kecemasan atau ketika berhadapan dengan perbelanjaan tidak dijangka.

Namun begitu, penggunaan kad kredit tidak lari daripada sisi gelapnya. Risiko utama penggunaan kad kredit adalah hutang yang tinggi sekiranya seseorang berbelanja melebihi kemampuan. Kadar faedah yang dikenakan juga sangat tinggi apabila baki tidak dibayar sepenuhnya, mengakibatkan nilai hutang menjadi berlipat kali ganti dibanding dengan nilai asal, sekali gus membebankan kewangan pengguna.

Kad kredit juga boleh mendorong sikap boros dalam kalangan pengguna. Tawaran promosi, kemudahan ansuran, dan ganjaran menarik sering kali mempengaruhi pengguna untuk berbelanja lebih daripada yang diperlukan. Hal ini boleh menyebabkan pengguna hilang kawalan dalam menguruskan kewangan mereka.

Selain daripada itu, tekanan kewangan merupakan kesan besar penggunaan kad kredit yang tidak terkawal. Ramai yang terjerat dengan hutang sehingga gagal membayar balik, lalu berhadapan risiko mufli pada usia muda. Situasi ini bukan sahaja menjejaskan kehidupan peribadi, malah boleh memberi kesan negatif kepada masa depan kerjaya dan keluarga.

Akhir sekali, risiko keselamatan juga wujud apabila menggunakan kad kredit, terutamanya dalam pembelian atas talian. Kecurian data, penipuan siber, dan transaksi tidak sah merupakan ancaman yang semakin berleluasa. Oleh itu, pengguna perlu sentiasa berwaspada dan mengamalkan langkah keselamatan digital.

Kesimpulannya, kad kredit mempunyai kebaikan dan keburukan tersendiri. Ia boleh menjadi alat kewangan yang bermanfaat sekiranya digunakan dengan berhemah, namun mampu menjadi beban jika disalahgunakan. Justeru, pengguna perlu berdisiplin dalam mengurus kewangan, berbelanja mengikut kemampuan, dan sentiasa peka terhadap risiko yang ada. Dengan cara ini, kad kredit akan benar-benar berfungsi sebagai kemudahan dan bukan menambah beban di kemudian hari.

Rujukan

Portal Sehenti AKPK. Apa Itu Kad Kredit. (2025).

<https://www.akpk.org.my/ms/node/396>

Amirul Aiman Osman. Utusan Malaysia Online. (2024)

<https://www.utusan.com.my/ekonomi/2024/10/lima-sebab-perlu-kad-kredit/>

DISRUPTIONS OF REALITY

Written by: **Nur Amirah Nabihah binti
Zainal Abidin**

In today's digital age, social media has become a powerful space for self-expression, communication, and connection. However, while it allows individuals to share their lives with a wider audience, it also challenges the meaning of authenticity. Carefully curated posts, filtered images, and the pursuit of likes often blur the line between genuine identity and constructed persona. As a result, the idea of being "real" is increasingly disrupted, raising important questions about how social media shapes self-perception, relationships, and the way we present ourselves to the world.

Through social media, individuals tend to share carefully selected aspects of their lives. Filmscore80 (2018) mentioned that curating images is to influence how others perceive and this often leads to an idealized version of the self that can be used for professional, social or personal benefits. Consequently, audiences may mistake these curated snapshots for an accurate reflection of someone's entire life, leading to unrealistic perceptions of success, happiness, or beauty. This idea may disrupt ones from being real and loss themselves through the use of social media.

Next, social media platforms are designed to reward engagement, and this often leads

individuals to link their sense of self-worth to the number of likes, comments, or shares they receive. Being validated by strangers in online platform is one source of happiness that one may gain in increasing their self-worth (Iyer, 2024). Instead of reflecting on whether they are being true to themselves, many users start questioning whether their posts will attract enough attention or positive reactions. This cycle of seeking constant affirmation not only disrupts the idea of being real but it also causes people to rely on others' opinion to feel valuable.



While social media makes it easy to connect with large numbers of people, many of these interactions remain surface-level. Simple actions such as liking a post, dropping an emoji, or leaving a short comment can give the impression of closeness, yet they often lack the depth of meaningful conversation. *Shallow connectedness* (n.d.) in the article mentioned that the feeling of an isolated connectedness is a huge form of feeling developed through her time in social media. What may appear to be genuine connection is, in many cases, just

performance-based visibility, where people acknowledge each other publicly without engaging in real understanding or support. As result, authentic human connection is far essential in ensuring ones to feel connect.

In summary, social media disrupts the idea of being real by encouraging curated identities, trapping users in validation loops, and fostering shallow connections. While these platforms provide opportunities for communication and self-expression, they also blur the line between authenticity and performance. Therefore, it is important as an individual to balance themselves through reality and their digital presence.

References:

filmscore80. (2018, August 18). *The Curated Life: Social Media, Identity, and Image*. The TempTrack. <https://www.thetemptrack.com/2018/08/18/the-curated-life-social-media-identity-and-image/>

Iyer, M. (2024, December 3). *Hooked on Validation: How Social Media Approval is Hijacking Our Happiness*. Medium. https://medium.com/@mr_iyer/hooked-on-validation-how-social-media-approval-is-hijacking-our-happiness-ae7ca3a2e701

Shallow Connectedness through Social Media | Pfeiffer Law. (n.d.). www.pfeifferlaw.com. <https://www.pfeifferlaw.com/entertainment-law-blog/shallow-connectedness-through-social-media>